

# Demam denggi: Tiga meninggal dalam tempoh seminggu

M.M 17/12/08 M/S 2

**K**UALA LUMPUR: Sejumlah 1,273 kes demam denggi dengan tiga kematian dilaporkan dalam tempoh seminggu bermula 30 November hingga 6 Disember ini.

Ia menjadikan ia jumlah tertinggi kes dilaporkan dalam se-

minggu bagi tahun ini.

Selangor mencatatkan kes tertinggi iaitu 640 kes diikuti Johor (102), Kedah (65), Sarawak (50), Pahang (42), Kelantan (31), Sabah (23), Perlis (13) dan Putrajaya (13), kata Pengarah Bahagian Kawalan

Penyakit Kementerian Kesihatan Datuk Dr Hassan Abdul Rahman.

Jumlah kes terkumpul bagi 2008 adalah 44,494 dengan 98 kematian, katanya dalam kenyataan, di sini, semalam.

“Peningkatan kes denggi ini

disebabkan kurangnya pembabitan masyarakat. Hujan turut menyumbang kepada pembiakan nyamuk aedes.

“Ini berikutan 81 peratus daripada 969 premis yang didapati positif adalah premis kediaman,” katanya. - Bernama